



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/06/39 (HQ)

PROJEK MESRA RAKYAT TNB PERINGKAT NEGERI MELAKA (SUNGAI RAMBAI)

Kehidupan seorang warga emas, Yau Bon Kim, 87 tahun kini lebih selesa, apabila menerima bantuan daripada **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dalam pembaikan rumahnya di Sungai Rambai menerusi projek kemasyarakatan anjuran TNB, Projek Mesra Rakyat (PMR).

Dengan hasil pendapatan sekitar RM200 sebulan, beliau gigih mencari rezeki sebagai pembantu jualan di sebuah pasar sayur di pekan Merlimau demi menyara keluarganya. Beliau yang kurang berkemampuan tinggal bersama isteri dan seorang anak adakalanya bekerja sendiri demi mencari pendapatan lebih buat keluarganya.

Pengurus Besar Negeri (Melaka) Bahagian Pembahagian TNB, Baderul Sham Saad berkata, projek tersebut adalah susulan saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti TNB, memainkan peranan dalam membantu Kerajaan untuk membaiki rumah kediaman golongan sasaran, antaranya termasuklah penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim.

PMR dimulakan pada tahun 2013, melibatkan sebanyak 27 buah rumah kaum Cina dan India di seluruh Semenanjung Malaysia. Tahun ini merupakan tahun kedua TNB melaksanakan projek ini. TNB akan membaiki pulih 24 buah rumah di seluruh semenanjung dalam tempoh setahun. Setiap rumah yang dipilih akan menerima bantuan dari segi kerja-kerja membaiki rumah dan bukannya membina baru.

Majlis dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Pertanian dan Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Abdul Rahman.

Dikeluarkan di Sungai Rambai, Melaka pada 13 Jun 2014

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-2662296) atau Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602) atau Nor Aizat Haji Ahmad (016-722 1494).